

BULETIN KKKP WACANA 2020

KOLEJ KOMUNITI
KUALA PILAH

EDISI 4
TERBITAN TAHUNAN

FOLLOW US



KOLEJ KOMUNITI KUALA PILAH

POLYCC MELAKA AND N.SEMBILAN DIGITAL ENTREPRENEURSHIP CAMP



MENARIK EDISI KALI INI:

PROGRAM AMAZING ME
CETUS SEMANGAT PELAJAR

BARISAN BAHARU
PERWAKILAN PELAJAR
LEBIH BERBISA

JOM JADI JUARA BERSAMA KKKP

**EDISI
NORMA
BAHARU**

#KITAJAGAKITA

SIDANG REDAKSI WACANA 2020

PENAUNG

TS. AHMAD AFANDI BIN ABD KHALIL

PENYELARAS

PN. NORMAZLINA BINTI OTHMAN

PN. FARAH ZURIN BINTI SALLEH

KETUA EDITOR

EN. AMIR ARIEF BIN ZAINAL ABIDIN

EDITOR

PN. SITI UBAIDAH BINTI YUSUF

PENULIS / PENYUMBANG

PN. NOR AZURA BINTI SAMSUDIN

PN. SITI UBAIDAH BINTI YUSUF

PN. NOROLIZAH BINTI ABU HASSAN

EN. AMIR ARIEF BIN ZAINAL ABIDIN

PN. NURASYKIN BINTI FAZIL

HJ. MOHD SHAFIE BIN RAHAMAN

PN. SUZANNA BINTI SAMSUDIN

PN. NORZITA SUZALIN BINTI MOHD ALI

PN. HALIJAH BINTI ISMAIL

EN. SHARIZAT BIN MOKHTAR

ILUSTRASI



SEKAPUR SIREH

Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, dengan limpah kurnia dan izinNya kita dapat bersua kembali dalam penerbitan Buletin Wacana, Kolej Komuniti Kuala Pilah bagi Edisi 2020 ini.

Ucapan tahniah kepada semua sidang redaksi dan penulis artikel dalam menghasilkan Buletin Wacana Edisi 2020 ini yang menjadi medium menyalurkan maklumat berkenaan pencapaian dan aktiviti KKKP sepanjang tahun 2020. Ucapan tahniah diucapkan kepada semua warga KKKP yang terlibat dalam melakar pelbagai kejayaan dan pencapaian yang membanggakan samada dalam bidang akademik, pengajian sepanjang hayat mahupun bidang penyelidikan dan inovasi.

Penularan pandemik Covid-19 yang melanda dunia termasuk Malaysia telah bermula pada Mac 2020 memberi kesan kepada perancangan aktiviti dan program KKKP. Namun begitu, warga KKKP dengan komitmen yang tinggi telah berusaha menjalankan semua perancangan dengan penuh tanggungjawab dan berjaya mencapai 100% KPI yang telah digariskan oleh ibu pejabat, Jabatan Politeknik & Kolej Komuniti (JPPKK).

Sekali lagi ucapan tahniah dan diharapkan dengan kejayaan dan pencapaian cemerlang ini, semua warga KKKP akan terus meningkatkan usaha dan prestasi sebegini tanpa mengira masa dan tempat. Jadikanlah pencapaian ini sebagai pendorong kepada kita untuk menjadikan pekerjaan ini sebagai amalan yang dirahmati dan diredhaiNya.

Sekian, Wassalam.



TS. AHMAD AFANDI BIN ABD KHALIL
PENGARAH
KOLEJ KOMUNITI KUALA PILAH

PILIHANRAYA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR SESI 2020



Kolej Komuniti Kuala Pilah melakar sejarah apabila menerima kehadiran Penolong Pengarah Kanan, En. Mohd Farizul Irni bin Ismail dari Bahagian Ambilan & Pembangunan Pelajar (BAPP), JPPKK pada 8 Januari 2020 yang lalu bagi memantau pelaksanaan Pilihanraya Jawatankuasa Perwakilan Pelajar bagi tahun 2020.

Seramai 37 orang pelajar atau 94.87% telah membuang undi pada hari tersebut dengan memilih 10 orang calon daripada 16 orang calon yang bertanding. Terdahulu, kesemua calon telah menghantar borang pencalonan pada 18 Disember 2019 dan melalui sesi pengucapan awam pada 31 Disember 2019. Manakala sesi berkempen telah berjalan selama seminggu bermula 2 - 7 Januari 2020. Semua 10 orang calon yang menang dalam pilihanraya telah membaca ikrar dan menerima watikah pelantikan dalam satu majlis yang telah diadakan pada 9 Januari

2020. Saudara Gilbert Guma anak Sana telah memenangi jawatan Yang diPer-tua (YDP) dan akan bertanggungjawab menerajui pentadbiran JPP bagi tahun 2020.



UPACARA MENANDATANGANI WATIKAH



BARISAN PERWAKILAN PELAJAR KKKP
2020

MAJLIS PERPISAHAN PELAJAR SESI MAC 2020

Sejurus selepas pengumuman pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Unit Pembangunan Pelajar telah mengambil keputusan bagi mengadakan satu majlis ringkas untuk meraikan perpisahan bagi pelajar semester 3, Sesi Mac 2020 yang akan menjalani sesi Latihan Industri. Majlis telah turut dihadiri oleh kakitangan dan pensyarah sebagai meraikan majlis perpisahan.

Dalam majlis tersebut, setiap pelajar diberi peluang untuk membuat perkongsian mengenai pengalaman yang diperolehi sepanjang 3 semester berada di Kolej Komuniti Kuala Pilah dan bergelar pelajar. Dalam majlis tersebut juga, tuan Pengarah KKKP telah berbesar hati menyampaikan cenderahati tanda kenangan kepada semua pelajar.



PROGRAM KAU SUMBER INSPIRASIKU 2020

Kau Sumber Inspirasiku, bertepatan dengan nama program yang merupakan sebuah forum motivasi yang dijalankan pada 11 Februari 2020, bertujuan untuk memberikan inspirasi kepada para pelajar di KKKP. Program yang dianjurkan hasil kerjasama antara Unit Pembangunan Pelajar KKKP dengan Persatuan Siswazah Wanita Malaysia (PSWM) di bawah kepimpinan Datin Fauziah Hj. Mohd Ramly telah menampilkan tiga (3) orang OKU yang cacat penglihatan sebagai panel bagi berkongsi sejarah perjalanan kehidupan mereka setelah bergelar OKU penglihatan. Program yang telah dihadiri oleh lebih kurang 60 orang warga KKKP telah berjaya menjentik hati peserta, bila mana ada yang menitikkan airmata men-

dengar refleksi yang disampaikan dalam bentuk sajak oleh saudara Rashidi Abdullah dan luahan rasa berbentuk nyanyian oleh Saudara Dinie Rashid dan Saudari Nur Ain Izzati.

Datin Fauziah yang lebih mesra disapa dengan panggilan 'Umi' turut membuat rumusan program dengan membuat refleksi dari Surah ar-Rahman iaitu berkisarkan tentang nikmat penglihatan yang sering diabaikan dan membarakar semangat para peserta supaya bangkit dan berusaha bagi mencapai impian, walau sebesar apa pun ujian yang diberikan oleh Allah S.W.T

11 FEBRUARI 2020
DEWAN REFLEKSI
KKKP



PROGRAM KESEDARAN AADK

Buat julung kalinya, Unit Pembangunan Pelajar telah meng-anjurkan Program Ops Disiplin bersekali dengan Ceramah Kesedaran Penyalahgunaan Dadah. Program yang bertujuan untuk mengekang masalah disiplin di kalangan pelajar ini telah mendapat kerjasama dari Pejabat Agensi Antidadah Daerah Kuala Pilah.

Antara pengisian program yang dijalankan adalah pameran & ceramah penyalahgunaan dadah, pemeriksaan rambut dan rupadiri pelajar, penggunaan peralatan larangan seperti vape dan rokok serta aktiviti menggunting rambut pelajar lelaki.

Turut diadakan adalah sesi ujian air kencing oleh pihak AADK bagi memastikan pelajar KKKP bebas dari penyalahgunaan dadah. Walaubagaimana pun, keputusan menunjukkan tiada pelajar yang positif dalam ujian tersebut.

13 FEBRUARI 2020
DEWAN REFLEKSI
KKKP



PROGRAM PEMBUDAYAAN NORMA BAHARU KKKP



Pandemik Covid19 yang bermula semenjak Mac 2020, telah mengubah norma kehidupan seharian masyarakat, termasuk warga KKKP. Dalam usaha mencegah dan memerangi wabak Covid-19 ini, KKKP telah mengadakan satu program yang dinamakan Program Pencegahan Covid19 & Kempen Pembudayaan Norma Baharu serta Pelancaran Bilik Gerakan Covid19 (PPP-Covid19). Antara objektif utama selain menyediakan fasiliti selamat untuk semua warga KKKP ialah menerangkan prosedur dan SOP bagi mengelakkan jangkitan dan penularan wabak ini. Antara pengisian program yang telah dijalankan adalah menyediakan tanda arah bagi memandu pergerakan warga KKKP, menampal dan menggantung poster dan gegantungan pematuan SOP norma baharu, penyediaan & perasmian bilik gerakan dan bilik isolasi Covid19, serta ceramah kesedaran dan pematuan SOP norma baharu dari Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Pilah. Majlis Pelancaran Kempen Kesedaran dan Pencegahan Pandemik Covid-19 dan Bilik Gerakan Covid 19 yang diadakan pada 21 Julai 2020 telah disempurnakan oleh YBhg Dr Mohammad Siri Bin Muslimin, Ketua Jabatan Perdagangan, Politeknik Port Dickson



AMAZING ME 2020 -WE'RE BORN TO BE A WINNER-



16 SEPT 2020
OLE-OLE SUPERBOWL MYDIN S2
SEREMBAN



"Amazing Me" merupakan satu program motivasi, inisiatif daripada Unit Pembangunan Pelajar Kolej Komuniti Kuala Pilah untuk membantu para peserta menggali dan mengenali potensi dalam diri sendiri serta memberi pemahaman yang jelas tentang konsep tujuan hidup vs. keperluan hidup. Program yang disertai oleh lebih kurang 53 orang pelajar Kolej Komuniti Kuala Pilah ini menggunakan pendekatan secara permainan dan latihan dalam kumpulan (LDK) bagi menarik minat dan perhatian pada peserta.

Menerusi program ini, En. Mohd Hasbullah Mustafa yang merupakan seorang Pegawai Psikologi dari Politeknik Merlimau telah mendedahkan kepada para peserta, formula untuk menjadi orang yang berjaya dengan menggunakan teknik 7'S iaitu score, skill, strategy, speed, spirit, support & spiritual.

Program seterusnya bersambung di Ole - ole Superbowls, Seremban 2 bagi menjalankan aktiviti latihan dalam kumpulan iaitu pertandingan boling. Walaupun program dijalankan dalam suasana pandemik Covid-19, rata-rata peserta masih berpuas hati dan berharap program sebegini dapat dianjurkan lagi pada masa depan bagi membangkitkan semangat motivasi pelajar.

GOTONG - ROYONG MENGHIAS BILIK GERAKAN JK PERWAKILAN PELAJAR

1-11 SEPT 2020
BILIK GERAKAN
JPP KKCP

Barisan

Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP) yang diketuai oleh Saudara Gilbert Guma Anak Sana telah menjalankan satu aktiviti gotong royong menubuhkan Bilik Gerakan JPP yang terletak di Lot 37 (G). Aktiviti yang berlangsung selama lebih kurang 2 minggu itu, telah merubah bilik asal daripada sebuah stor kepada sebuah Bilik Gerakan JPP yang digunakan untuk sebarang aktiviti berkaitan dengan kegiatan JPP.

Puan Siti Ubaidah Yusuf dan En. Amir Arief telah bertindak menyelia kerja - kerja yang dilakukan oleh barisan JPP yang mana melibatkan aktiviti membersihkan, mengecat semua dinding dan lantai, mengemas dan menyusun- atur peralatan serta menyusun kerusi dan meja.

Adalah menjadi harapan bagi Pihak Pengurusan Kolej Komuniti Kuala Pilah agar semua pelajar dapat menggunakan kemudahan yang disediakan di Bilik Gerakan ini dengan sepenuhnya.

PERTANDINGAN VIDEO PENDEK ANJURAN UNIT PROMOSI

Unit Promosi telah menganjurkan pertandingan Video Pendek KKCP 2020 dalam mempromosikan Program Sijil Teknologi Peranti Mudah Alih secara meluas. Matlamat utama pertandingan ini adalah bagi mencungkil bakat kreativiti pelajar dalam menyampaikan idea kepada orang awam mengenai Sijil Teknologi Peranti Mudah Alih dalam bentuk penceritaan video pendek. Sebanyak 20 penyertaan yang telah dihantar bagi pertandingan ini. Pihak kolej menyediakan hadiah yang lumayan bagi menarik perhatian pelajar dalam menyertai pertandingan ini.

Sasaran objektif bagi program ini tercapai, di mana pelajar menghasilkan pelbagai video yang menarik mengikut kreativiti pelajar tersebut. Kesemua video tersebut telah dimuat naik di platform media sosial KKCP termasuk di Youtube.



RUANGAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI KKKP 2020

SEPERTI YANG DIKETAHUI TAHUN 2020 KITA TELAH DIUJI DENGAN PANDEMIK COVID-19. NAMUN ITU SAMA SEKALI TIDAK MEMATAHKAN SEMANGAT WARGA KKKP UNTUK TERUS BERINOVASI DAN MELAKUKAN PENYELIDIKAN DEMI MENINGKATKAN KUALITI DAN KECEMERLANGAN DALAM LAPANGAN PENYEBERAN ILMU INI. BERIKUT DISERTAKAN SENARAI PENYELIDIKAN DAN PERTANDINGAN INOVASI YANG TELAH DISERTAI OLEH PARA PENSYARAH.

Penyelidikan & Inovasi

International Multidisciplinary Conference 2020 pada 23 Jun 2020

Tajuk : Penglibatan Masyarakat Setempat Dalam Industri Ekopelancongan di Daerah Kempas, Negeri Sembilan

Peserta : Mazita Ayub

Pencapaian : Gangsa

Inovasi Hal Ehwal Islam Negeri Sembilan pada

Tajuk : S.M.A.R.T Sejadah

Peserta :

NormazlinaBinti Othman

Norolizah binti Abu Hassan

Kuazahan @ Noor Ajuma binti Mat Hassan

Pencapaian : Anugerah Khas

PERISA 2020

Tajuk : d CC U

Peserta :

NormazlinaBinti Othman

Norolizah binti Abu Hassan

Kuazahan @ Noor Ajuma binti Mat Hassan

Pencapaian : Perak

Tajuk : myKKKP

Peserta :

Siti Ubaidah Yusuf

Nurasykin Fazil

Mazita Ayub

Pencapaian : Emas

Tajuk : S.M.A.R.T Sejadah

Peserta :

NormazlinaBinti Othman

Norolizah binti Abu Hassan

Kuazahan @ Noor Ajuma binti Mat Hassan

Pencapaian : Emas

Tajuk : Mobas@PSH

Peserta :

NormazlinaBinti Othman

Norolizah binti Abu Hassan

Kuazahan @ Noor Ajuma binti Mat Hassan

Pencapaian : Emas

e-Festival Agro Makanan Bioteknologi (e-FAMB) 2020

Tajuk : IOT FERTIGATION KIT

Peserta :

Sharizat Mokhtar

Pencapaian : Perak

SWM : Waste To Art Competition

Tajuk : Nature Waste Management

Peserta :

Halijah Ismail

ENCON 2020 - Special Track 5 :
Social Innovation in STEM + Education

Peserta :

Halijah Ismail

ICOMPEX 2020

Tajuk :

E-iDOC (Sistem Pengurusan Dokumen LI)

Peserta :

Amir Arief bin Zainal Abidin, Mesheta bt Mohd Noor

Pencapaian : Gangsa

International Creative And Innovative Product Exhibition 2020


Tajuk :

Durio Choc-Chocholate syrup in Durian Flavour

Peserta :

Farah Zurin Salleh

Pencapaian : Gangsa



PROGRAM KOLABORASI BERSAMA INDUSTRI 2020

MAJLIS MENANDATANGANI SIJIL KOLABORASI DAN PENYERAHAN SIJIL PENASIHAT INDUSTRI KKKP 2020-2022


9 OKTOBER 2020
AVILION ADMIRAL COVE
PORT DICKSON

• Tanggal 9 Oktober 2020 merupakan hari bersejarah buat Kolej Komuniti Kuala Pilah. Menyaksikan termetrai kerjasama strategik di antara Astana Digital Sdn Bhd dan Ask Pentest Sdn Bhd sebagai rakan yang berkerjasama membangunkan Kolej Komuniti ke suatu tahap yang lebih tinggi. Sebuah majlis ringkas namun penuh memberi makna telah berlangsung dengan menandatangani sijil kolaborasi yang diwakili Pengarah Kolej Komuniti dan wakil setiap syarikat. Semoga ikatan kerjasama ini membawa seribu manfaat kepada kedua-dua pihak.



PROGRAM KOLABORASI BERSAMA INDUSTRI 2020

KURSUS UPSKILLING + RESKILLING PENSYARAH BERSAMA INDUSTRI ASK PENTEST + SOHO POINT



Demi memenuhi hasrat negara, agar pendidikan perlu sejajar dengan keperluan industri. Industri seharusnya memainkan peranan sebagai penyalur pengetahuan dan melakukan perkongsian ilmu bersama para pendidik.

Mengambil inisiatif dari keperluan itu, Kolej Komuniti Kuala Pilah telah menjemput rakan kolaborasi industri untuk melatih para pensyarah melalui dua siri kursus iaitu Kursus Keselamatan Peranti Mudah Alih dan Kursus Baikpulih Peranti Mudah Alih peringkat pertengahan.

Kursus yang berlangsung di Kolej Komuniti telah mendedahkan ilmu pengetahuan yang lebih mendalam mengenai keselamatan siber melibatkan peralatan mudah alih dan kaedah membaiki telefon memabitkan litar bersepadu.

POLYCC MELAKA DIGITAL ENTREPRENEURSHIP CAMP 2020

Dalam usaha melahirkan usahawan dikalangan pelajar kolej komuniti dan politeknik, KKKP telah mengambil inisiatif mengadakan Program PolyCC Negeri Sembilan dan Melaka Digital Entrepreneurship Camp 2020 (DE Camp 2020). Program yang diketuai oleh Pegawai Keusahawanan KKKP iaitu Tn. Hj. Mohd Shafie bin Rahaman ini telah berlangsung pada 2 - 4 September 2020 dan dihadiri oleh 35 orang pelajar yang terdiri daripada 4 buah Politeknik dan 11 buah Kolej Komuniti dari Negeri Sembilan dan Melaka.



Antara pengisian program yang telah dijalankan selama 3 hari ini adalah pengenalan kepada dunia peniagaan, bicara alumni CCIC, pengenalan dunia digital & SEO, teknik copywriting & rekabentuk menggunakan aplikasi canva.com, teknik pemasaran offline dan online (media sosial) serta pendaftaran perniagaan (SSM)

AND N.SEMBILAN RENEURSHIP CAMP 2020



Timbalan Pengarah Unit Keusahawanan dan Alumni, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Tn. Hj. Mohd Nor Mazlan Bin Ismail berkata dalam ucapan perasmian penutup bahawa program sebegini amat wajar diteruskan dan penekanan kepada kaedah pemasaran secara online perlu diperbanyakkan sesuai dengan trend dan fenomena perniagaan masa kini. Beliau menambah, para peserta sepatutnya menghayati musibah Covid19 yang melanda dan mengambil peluang untuk menjalankan perniagaan dengan membuat pemasaran menggunakan media sosial.

KISAH STA

LAWATAN MALAYSIA TECHNOLOGY EXPO (MTE) 2020

Program Sijil Teknologi Peranti Mudah alih telah melakar kenangan apabila telah menganjurkan lawatan ke Malaysia Technology Expo 2020 (MTE 2020) yang telah diadakan di PWTC, Kuala Lumpur pada 20 - 22 Februari 2020. seawal jam 7.00 pagi, seramai lebih kurang 50 orang peserta yang terdiri daripada pelajar dan penyarah program STA telah bertolak ke PWTC bagi sesi lawatan tersebut. Expo ini merupakan platform bagi pencipta, pereka dan usahawan untuk mempamerkan ciptaan, prototaip, produk dan reka bentuk terbaru mereka kepada pelabur, pengilang, pengedar dan pemasar bagi tujuan pengkomersialan dan peluang kolaborasi. Adalah diharapkan, lawatan ini dapat menyemarakkan budaya berinovasi yang berterusan di dalam kalangan pelajar yang kakitangan Kolej Komuniti Kuala Pilah



Persediaan permulaan Semester Jun 2020 norma baharu. Para penyarah bergotong royong bagi meletakkan tagging dan menggantung poster di setiap bilik kuliah / bengkel / makmal mengikut S.O.P yang telah ditetapkan. Persediaan dirancang dan dilaksanakan sebelum sesi perkuliahan bermula. Semoga inisiatif ini memberi manfaat kepada semua warga kerja dan komuniti yang mengunjungi KKKP.



PERSEDIAAN NORMA BAHARU PELAJAR KKKP

BENGKEL OBE DAN VERIFIKASI KURIKULUM 2020

KISAH STA



Bengkel Pendedahan OBE dan Verifikasi Kurikulum program STA telah dilaksanakan bertujuan memberi pendedahan kepada semua pensyarah tentang pendidikan berasaskan hasil dalam usaha memantapkan lagi aktiviti pengajaran & pembelajaran. Bengkel selama 3 hari ini telah diadakan pada 9 - 11 Oktober 2020 bertempat di Bilik Mesyuarat, Hotel Admiral Cove, Port Dickson. Bengkel ini telah dimulakan dengan slot taklimat mengenai kepentingan OBE dalam P&P oleh Ts. Dr. Siti Nurul Mahfuzah Muhamad, Pensyarah Kanan dari Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Turut diadakan dalam bengkel tersebut ialah perbincangan bersama wakil industri iaitu dari Mrfix Technologies Sdn. Bhd, Educ8 Technology, ASK-Pentest dan Astana Digital Sdn. Bhd. Wakil industri ini merupakan pakar dalam bidang baikpuluh telefon bimbit, keselamatan telefon bimbit, pembinaan aplikasi & bidang internet of things (IOT). Wakil - wakil industri ini telah berperanan sebagai penasihat dan telah dilantik untuk memberikan maklumbalas dalam menambahbaik kurikulum program Sijil Teknologi Peranti Mudah Alih.



Seramai 38 orang pelajar STA telah berkesempatan menyertai lawatan ilmiah ke Perpustakaan Awam Daerah Kuala Pilah pada 27 Februari 2020 yang lalu. Lawatan ini adalah merupakan anjuran pelajar-pelajar dari kursus Kemahiran Insaniah, dan telah dipantau dan diselia oleh Pn. Halijah Ismail, selaku pensyarah kursus tersebut.

Objektif utama lawatan ini diadakan adalah bagi memenuhi hasil pembelajaran kursus iaitu berfokus kepada peningkatan kemahiran pengurusan maklumat serta mengasah kemahiran kepimpinan dan kerja berpasukan di kalangan para pelajar.

Antara aktiviti yang telah dijalankan semasa sesi lawatan ialah aktiviti *treasure hunt*: Jejak Maklumat, jelajah bahagian perpustakaan serta pendaftaran sebagai ahli perpustakaan daerah Kuala Pilah.

LAWATAN PROGRAM STA KE PERPUSTAKAAN AWAM KUALA PILAH

UNIT PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT 2020

KURSUS BAIKPULIH TELEFON BIMBIT



Kolej Komuniti Kuala Pilah telah dipilih oleh pihak JPPKK untuk melaksanakan satu kursus pendek Mobile Gadget dimana semua kos bahan dan yuran hasil adalah di bawah peruntukan JPPKK. Kursus ini dilaksanakan untuk membantu golongan yang terkesan dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam usaha membendung wabak COVID 19. Golongan sasaran ini wajar dibantu kerana ia adalah kelompok yang membantu menggerakkan mikro ekonomi negara dan terkesan secara langsung dengan penguatkuasaan perintah tersebut.



Kursus ini telah dilaksanakan pada 26 dan 27 September 2020. Tenaga pengajar bagi kursus ini adalah En Sharizat Bin Mokhtar dan En Amir Arief Bin Zainal Abidin yang juga merupakan pensyarah dari Kolej Komuniti Kuala Pilah yang berkecualan dan berpengalaman.

Antara objektif pelaksanaan kursus ini adalah untuk Memupuk dan meningkatkan minat para peserta dalam diagnosis telefon bimbit, menerapkan kemahiran teori dan praktikal kepada para peserta serta memberikan peserta perspektif yang berbeza mengenai potensi dalam bidang baik pulih telefon bimbit ini.



Kursus ini memerlukan pemerhatian yang rapi dari tenaga pengajar jester itu hanya 6 orang peserta dipilih bagi setiap siri. Dengan cara ini pengajaran akan lebih fokus dengan kaedah face-to-face. Melalui kursus ini juga, dapat melatih peserta tentang ilmu keusahawanan untuk jualan, dimana para peserta akan dapat membuat diagnosis telefon bimbit sendiri serta orang-orang terdekat.

PENCAPAIAN UNIT PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT PADA TAHUN 2020

Sepanjang tahun 2020, kolej komuniti Kuala Pilah telah menganjurkan 64 jenis kursus pendek yang terdiri dari pelbagai kluster. Kursus-kursus pendek yang telah dilaksanakan telah

dilaksanakan telah disertai oleh seramai 1041 peserta yang terdiri daripada pelbagai golongan lapisan masyarakat sekitar Kuala Pilah, Jempol dan Seremban.

Diharapkan kursus-kursus pendek yang telah dilaksanakan di Kolej Komuniti Kuala Pilah ini dapat meningkatkan kemahiran, pengetahuan serta taraf sosio-ekonomi peserta kursus



UNIT LATIHAN DAN PEMBANGUNAN STAF KKKP 2020

Unit Latihan dan Pembangunan Staf telah menganjurkan beberapa siri latihan sepanjang tahun 2020 antaranya :

Kursus Pembangunan Aplikasi Mudah Alih
Tarikh : 20-21 Julai 2020
Tempat : Makmal Teknologi KKKP

Kursus Baikpulih Telefon Bimbit (Pertengahan)
Tarikh : 28-30 September 2020
Tempat : Bengkel Baikpulih Peranti Mudah Alih KKKP

Kursus Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (5 fasa)

Fasa 1
Tajuk : Introduction to Information Security Management System (ISMS)
Tarikh : 23-24 Julai 2020
Tempat : Makmal Teknologi KKKP

Fasa 2
Tajuk : Vulnerability Assessment Penetration Testing (VAPT) and Application Security
Tarikh : 5-7 Ogos 2020
Tempat : Makmal Bahasa KKKP

Fasa 3
Tajuk : Mobile Security
Tarikh : 8-9 September 2020
Tempat : Makmal Bahasa KKKP

Fasa 4
Tajuk : Information Security Risk Management
Tarikh : 17-18 September 2020
Tempat : Makmal Teknologi KKKP

Fasa 5
Tajuk : Internal Audit Training
Tarikh : 30 November - 1 Disember 2020
Tempat : Platform Google Meet



UNIT PENGAMBILAN PELAJAR KKKP 2020

Pada 5 & 6 Ogos 2020, Kolej Komuniti Kuala Pilah telah menerima kehadiran pelajar baharu melalui sesi pendaftaran pelajar yang berlangsung dalam suasana norma baharu berikutan pandemik Covid19 yang melanda dunia termasuk Malaysia. Pada kali ini, sesi pendaftaran dibuat dalam 2 fasa yang mana fasa 1, melibatkan pelajar - pelajar yang berasal dari Negeri Sembilan dan fasa 2, melibatkan pelajar - pelajar yang berasal dari luar Negeri Sembilan. Walaupun melalui SOP yang ketat, proses pendaftaran masih berjalan dengan lancar dan seramai 23 orang pelajar telah berjaya mendaftarkan diri. Pada hari tersebut juga, para pelajar telah diberi pendedahan mengenai sistem kolej komuniti dan peraturan yang perlu dipatuhi sepanjang bergelar pelajar. Taklimat ini telah disampaikan oleh Timbalan Pengarah Akademik dan Pegawai Pembangunan Pelajar. Kesemua 23 pelajar yang mendaftar juga telah membacakan lafaz ikrar sebagai pelajar yang telah dilakukan secara maya melalui aplikasi Ms Teams dengan disaksikan oleh ibubapa dan barisan pensyarah. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua pelajar.



KELAB KEBAJIKAN STAF KKKP 2020

PENGANTIN KKKP 2020

Khamis 13 Ogos 2020 menjadi saksi penyatuan 2 hati antara kakitangan KKKP iaitu Pn Noor Azni Binti Aziz dan pilihan hati En. Kamarudin bin Mohammad. Disebabkan negara masih dalam wabak Covid19, majlis akad nikah telah diadakan dalam suasana serba ringkas di Pejabat Agama Daerah Kuala Pilah dengan mengikut SOP ketat yang telah ditetapkan. Sebagai tanda meraikan hari bersejarah pasangan pengantin, Kelab Staf KKKP telah mengambil inisiatif dengan menyumbangkan 8 dulang hantaran sebagai hadiah. Majlis telah berakhir dengan sedikit jamuan yang turut diadakan di Bilik Masakan KKKP. Seluruh ahli Kelab Staf KKKP mendoakan kebahagiaan yang berkekalan kepada kedua mempelai.



HARI KELUARGA KKPP 2020

Tiada yang lebih berharga dari ikatan kekeluargaan. Di atas kesedaran itu, Unit Pengurusan dengan kerjasama Kelab Kebajikan Staff KKKP telah mengusahakan sebuah program berbentuk kekeluargaan untuk semua staff dan keluarga KKKP. Bertempat di Bayou Lagoon Lagoon Park Resort Melaka, program selama 3 hari 2 malam itu bermula pada 23 hingga 25 oktober 2020 dipenuhi dengan aktiviti ilmiah dan berteraskan kekeluargaan.

Melaka menjadi destinasi pilihan kali ini kerana, lokasinya yang menarik dan bersebelahan dengan Negeri Sembilan. Dimulakan dengan taklimat pengarah dan mesyuarat pelan strategik KKKP untuk tahun 2021, program diteruskan dengan aktiviti sukaneka bersama anak-anak staff seperti pertandingan mewarna dan kuiz teka silang kata. Tidak ketinggalan juga aktiviti bersama pasangan iaitu kuiz menguji pengetahuan tentang pasangan. Oleh kerana mengikut prosidur norma baharu, segala aktiviti dilakukan di dalam dewan seminar.

Pihak Kelab Kebajikan Staff amat berterima kasih kepada pihak pengurusan kerana telah memberi ruang dan peluang untuk menjayakan program seperti ini. Diharap program seperti ini diteruskan pada masa hadapan.

RUANGAN PENTADBIRAN KKKP

STAF KKKP YANG TELAH BERTUKAR

TELAH BERPINDAH



PUAN NORADILA HANIM BINTI AB KADIR
BERPINDAH KE JPPKK
TELAH BERKHIDMAT DI KKKP SELAMA
HAMPIR 4 TAHUN SEBAGAI PENS-
YARAH

TELAH BERPINDAH



ENCIK RAZALI BIN MAMAT
BERPINDAH KE JABATAN KERJA RAYA
DAERAH LIPIS
MENJADI PENOLONG JURUTERA
HAMPIR 3 TAHUN DI KKKP

TELAH BERPINDAH



DR NURSAFRA BINTI MOHD ZHAFFAR
BERPINDAH KE UITM REMBAU
TELAH BERKHIDMAT DI KKKP SELAMA
HAMPIR 2 TAHUN SEBAGAI PENSYAR-
AH PENGAJIAN ISLAM DAN TIMBALAN
PENGARAH PENGURUSAN

BERTUKAR KE KKKP



PUAN NUR AMALINA BINTI AHMAD SALEHIN
MENGANTIKAN EN RAZALI BIN MAMAT
MERUPAKAN PENOLONG JURUTERA
KE-3 YANG BERTUGAS DI KKKP

BUDI DISEMAI JASA DIKENANG


Setiap pertemuan pasti akan berakhir dengan perpisahan. Begitulah lumrah kehidupan manusia. Tia-da yang kekal abadi. Pada tahun 2020, KKKP telah kehilangan 3 permata berharga. Dimulakan dengan En Razali Bin Mamat yang merupakan seorang penolong jurutera yang amat mudah menghulurkan bantuan dalam menyelesaikan masalah yang berkaitan pembangunan di KKKP. Beliau telah berpindah ke Jabatan Kerja Raya di salah sebuah daerah di negeri Pahang. Tidak beberapa lama kemudian, KKKP menerima sekali lagi perkhabaran sedih dengan perpindahan Puan Noradila Hanim yang berpindah ke Putrajaya di Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti. Beliau merupakan seorang pensyarah yang amat berdedikasi dan disayangi pelajar. Kami mendoakan agar Puan Noradila sentiasa sihat dan cemerlang di tempat baharu. Tidak dilupakan juga mantan Timbalan Pengarah Pengurusan KKKP iaitu Dr Nursafra yang telah berpindah ke UITM Rembau sebagai pensyarah di sana. Beliau merupakan bekas pensyarah Pendidikan Islam sebelum bertukar portfolio sebagai

Timbalan Pengarah Pengurusan KKKP. Sebagai tanda penghargaan beberapa majlis perpisahan telah dibuat bagi meraikan mereka yang telah bertukar. KKKP mengucapkan ribuan terima kasih di atas jasa baik mereka yang telah menabur khidmat di sini. Semoga kita akan bertemu kembali suatu masa nanti.





KKKP 2020 VERSUS COVID-19



PUSAT PENGUMPULAN BANTUAN

LAWATAN MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT & KELUARGA



SUMBANGAN IKHLAS KKKP BANTUAN KEPERLUAN & PPE

OPERASI MEMBAWA PULANG PELAJAR DARI BORNEO



eISSN 2805-5128



9 772805512002

HAKCIPTA TERPELIHARA.
TIDAK DIBENARKAN MENGELUAR ULANG MANA
- MANA BAHAGIAN ARTIKEL, ILUSTRASI DAN ISI
KANDUNGAN BULETIN INI
TERBITAN TAHUN 2021

FOLLOW US



KOLEJ KOMUNITI KUALA PILAH

WWW.KKKUALAPILAH.MYPOLYCC.EDU.MY